



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMK 313 - Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Kitab *Berzanji* serta puisi-puisi memuji Rasulullah seolah-olah mempunyai sakral tersendiri terhadap pengamal yang memulakan tradisi ini. Keberkesanannya menyebabkan ritual ini berlangsung secara turun-temurun sehingga sampai ke seluruh pelosok negara Islam termasuklah Malaysia.
Jelaskan fungsi kitab *Berzanji*, dan ciri-ciri yang menyebabkan kitab *Berzanji* tergolong dalam karya sastera.

(25 markah)

2. Pada masa kegemilangan Islam di Aceh, terdapat perselisihan faham antara para ulama dengan pemerintah sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan, kes bakar-membakar kitab serta terjejasnya hubungan antara tokoh-tokoh ilmuwan Islam sehingga membentuk fahaman dua puak.
Terangkan sebab berlakunya percanggahan tersebut.

(25 markah)

3. Vladimir Propp telah mengemukakan suatu kaedah untuk mengkaji struktur sesebuah cerita yang dikenali sebagai *The Function of Dramatis Personae*. Pada dasarnya, kaedah ini berpusat kepada peranan dan aksi watak yang menunjang jalan cerita sehingga tercetusnya plot-plot dan pengakhiran dramatik.
Huraikan konsep *hero* atau wira melalui kaedah V. Propp ini berlandaskan naskhah *Syair Siti Zubaidah Perang China*.

(25 markah)

4. *Bustan Al-Salatin* yang dikarang oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri dan *Taj Us-Salatin* tulisan Syeikh Bukhari al-Jauhari tergolong dalam sastera ketatanegaraan. Secara umumnya, naskhah ketatanegaraan membincangkan sejarah serta rukun pemerintahan sewajarnya oleh pemerintah Islam. Jelas bahawa kitab-kitab ini mempunyai tujuan dan hasrat tertentu yang ingin disampaikan sebagai pedoman kepada golongan pemerintah dan masyarakat.
Perihalkan peri pentingnya genre sastera ini kepada ketamadunan bangsa dan kelangsungan agama.

(25 markah)

- 3 -

5. *Nur Muhammad* begitu terkenal dengan konsep tanah, air, api dan angin. Kitab ini dipegang ulama terdahulu sebagai usul segala kejadian.
Perincikan perkaitan *Nur Muhammad* dengan proses kejadian alam, kemudian jelaskan keindahan sastera yang terdapat dalam naskhah tersebut.

(25 markah)

6. Puisi tradisional berbentuk syair masuk ke alam Melayu seiring kedatangan Islam ke Nusantara. Syair terbahagi kepada empat kategori iaitu syair agama, syair cerita fantasi, syair sejarah dan syair kiasan. Ulama yang tergolong sebagai ulama sufi sering menggunakan syair untuk menterjemahkan penyerahan jiwanya kepada Maha Pencipta.
Ceritakan kisah ulama tersebut beserta contoh karya mereka.

(25 markah)

-oooOooo-